



Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

BAHAGIAN SEJARAH

SATU kekosongan jawatan dalam bidang Sejarah Sosioekonomi Malaysia

Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia ingin menjemput calon-calon dalam kalangan WARGANEGARA MALAYSIA yang berminat dan berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan sebagai **PENSYARAH**. Calon yang mempunyai kelayakan dalam pengajaran sejarah di peringkat universiti, penyeliaan ijazah tinggi dan pengalaman penyelidikan berimpak tinggi adalah digalakan untuk memohon.

Calon-calon mestilah mempunyai kelayakan minima **Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Sejarah Malaysia**, dengan pengkhususan dalam bidang **SEJARAH SOSIOEKONOMI MALAYSIA**. Kepakaran dalam sejarah sosioekonomi Sabah dan Sarawak adalah satu kelebihan. Calon-calon mesti mempunyai rekod pengajaran di peringkat universiti yang baik, pengalaman penyeliaan ijazah tinggi dan penerbitan serta penyelidikan berimpak tinggi.

Calon-calon akan dikehendaki mengajar di peringkat ijazah pertama dan ijazah tinggi, menyelia penyelidikan pelajar Ijazah tinggi, menjalankan penyelidikan berimpak tinggi, menyumbang secara efektif kepada pembangunan pendidikan tinggi disiplin sejarah serta menonjolkan komitmen terhadap pengkayaan profil dalam disiplin pengkhususan masing-masing. Hanya calon yang telah disenarai pendek akan dipanggil untuk temuduga.

Prosedur permohonan

Untuk memohon, sila hantar dokumen-dokumen berikut untuk pertimbangan:

- *Vitae* kurikulum terperinci (CV)
- 2 keping gambar berukuran pasport
- Salinan transkrip akademik/ijazah yang telah disahkan
- Perincian penerbitan dan contoh penerbitan atau penulisan akademik (maksimum 3 contoh)
- Perincian tentang pengalaman penerbitan, penyelidikan dan geran penyelidikan.

- Surat rujukan/perakuan daripada DUA pengadil akademik dan SATU Bukan Akademik (academic & non academic referees) yang dihantar secara berasingan. (Pengadil bukan akademik mestilah terdiri daripada majikan/ketua jabatan tempat bertugas sekarang sekiranya masih bertugas, atau daripada mantan majikan)

Permohonan yang lengkap boleh dihantar terus kepada

DEKAN
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang

atau Email : dean_hum@usm.my

Tarikh Tutup Permohonan: Sehingga kekosongan diisi.